

The Relationship of Business Management Skills with Entrepreneurial Culture Tendencies among Secondary School Students

Hubungan Kemahiran Pengurusan Perniagaan Dengan Kecenderungan Budaya Keusahawanan Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah

Dayang Nur Syahirah Mohd Hanafi,
Radin Siti Aishah Radin A Rahman

Pendidikan Keusahawanan & Perniagaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract: A country makes entrepreneurship the basis of the economic transformation of developed countries, especially in creating new jobs for graduates. The business management skills that students possess before graduation are important in entrepreneurship. The business management skills possessed by high school students still do not enable and encourage them to understand how important entrepreneurial culture is to society. Therefore this study was conducted with the aim of; a) identify differences in entrepreneurial cultural tendencies of different genders; b) identify a significant relationship between business management skills and entrepreneurial culture tendencies among high school students. This study involved 226 2 students at Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Mahmud Paduka Raja (1), Tanah Merah who were randomly selected as the study sample. The research instrument used is a quantitative descriptive study in the form of a survey using a questionnaire. Data analysis was carried out using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software. The results of the study show that gender differences do not affect differences in entrepreneurial culture tendencies. The results of the study also show a significant relationship between business management skills and entrepreneurial culture tendencies among high school students. This study provides important implications for educational policy makers and educators in planning curricula and learning programs that support the development of business management skills and foster entrepreneurial tendencies among high school students.

Keywords: skills, business management, culture, entrepreneurship, high school

ABSTRAK: Sesebuah negara menjadikan keusahawanan sebagai landasan transformasi ekonomi negara maju terutamanya dalam menghasilkan pekerjaan baru untuk graduan. Kemahiran pengurusan perniagaan yang dimiliki oleh pelajar sebelum bergraduan adalah penting dalam keusahawanan. Kemahiran pengurusan perniagaan yang dimiliki oleh murid sekolah menengah masih tidak membolehkan dan menggalakkan mereka untuk memahami betapa pentingnya budaya keusahawanan kepada masyarakat. Oleh itu kajian ini dijalankan bertujuan untuk; a) mengenal pasti perbezaan kecenderungan budaya keusahawanan yang berlainan jantina; b) mengenal pasti hubungan yang signifikan antara kemahiran pengurusan perniagaan terhadap kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah. Kajian ini melibatkan 226 orang murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Mahmud Paduka Raja (1), Tanah Merah yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan adalah kajian deskriptif kuantitatif yang berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik. Analisis data kajian dijalankan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan jantina tidak mempengaruhi perbezaan kecenderungan budaya keusahawanan. Hasil kajian juga menunjukkan hubungan yang signifikan di antara kemahiran pengurusan perniagaan dengan kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah. Kajian ini memberikan implikasi penting kepada pembuat dasar pendidikan dan pendidik dalam merancang kurikulum dan program pembelajaran yang menyokong pembangunan kemahiran pengurusan perniagaan dan memupuk kecenderungan keusahawanan di kalangan murid sekolah menengah.

Kata kunci: kemahiran, pengurusan perniagaan, budaya, keusahawanan, sekolah menengah

Pengenalan

Menurut Abu Sufian et al., keusahawanan dikenal pasti sebagai usaha yang mempunyai objektif untuk meningkatkan kekayaan negara melalui penambahan aktiviti ekonomi, yang membawa kepada penciptaan pekerjaan untuk orang awam serta menghasilkan pendapatan sendiri (Williams & Hovorka, 2013). Di era

globalisasi kini, kewujudan peluang pekerjaan semakin mencabar (Meyer, 2014). Ini menjadikan usaha untuk menghapuskan pengangguran juga semakin mencabar, terutamanya dalam kalangan remaja yang berumur antara 15 hingga 24 tahun. Menurut Meyer (2014) juga, migrasi dari luar bandar ke bandar adalah salah satu punca pengangguran, rasuah, kemiskinan, tahap pendidikan yang rendah, undang-undang buruh yang tidak adil dan krisis ekonomi global.

Sejak merdeka, kerajaan Malaysia telah menggubal beberapa dasar untuk mengiktiraf budaya keusahawanan kepada masyarakat, negara dan individu. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar untuk mendorong pertumbuhan keusahawanan, termasuk Model Ekonomi Baru (2011-2020), Dasar Pembangunan Negara (1990-2000), Dasar Wawasan Negara (2001-2020), dan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990). Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) juga mengutamakan keusahawanan. Pada 9 Mei 2019, bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad, melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030. Dasar ini adalah strategi negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang tahun 2030 (Freddy & Norasmah, 2021)

Mengambil kira perubahan landskap ekonomi global dan keperluan untuk menghasilkan tenaga kerja yang inovatif dan kreatif, pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah menengah dianggap penting (Ahmad et al., 2019). Kemahiran pengurusan perniagaan, termasuk keupayaan untuk membuat perancangan strategik, pengurusan kewangan, dan kemahiran komunikasi, adalah asas penting yang mendorong ke arah pembentukan sikap keusahawanan positif (Ismail & Yusof, 2021). Menurut kajian yang dijalankan oleh Khalid et al., (2023), didapati bahawa pelajar yang mempunyai akses kepada kursus yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan menunjukkan minat yang lebih tinggi dalam bidang keusahawanan berbanding mereka yang tidak. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan langsung antara pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan dan minat keusahawanan.

Pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah menengah juga membantu dalam membangunkan kemahiran penting seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berfikir kritis, dan kemahiran komunikasi (Zainuddin & Jamaludin, 2020). Kemahiran ini relevan bukan sahaja dalam konteks keusahawanan, tetapi juga dalam pelbagai aspek kehidupan murid. Dengan memahami hubungan antara kemahiran pengurusan perniagaan dan kecenderungan budaya keusahawanan, kita dapat membentuk generasi masa depan yang bukan sahaja cepak akademik, tetapi juga memiliki kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia keusahawanan yang kompetitif dan sentiasa berubah ini.

Penyataan Masalah

Realiti hari ini menunjukkan murid sekolah menengah masih kurang cenderung di dalam budaya keusahawanan kerana mereka lebih cenderung untuk mencari pekerjaan berbanding melibatkan diri di dalam bidang keusahawanan. Kemahiran pengurusan perniagaan dalam kalangan murid sekolah menengah juga masih berada di tahap yang lemah. Menurut Global Entrepreneurship Research Association, (2018), hanya 17.6% rakyat Malaysia cenderung ke arah keusahawanan berbanding dari negara Vietnam, Thailand, Indonesia, dan Emiriah Arab Bersatu yang menunjukkan peratusan yang lebih tinggi. Jika trend ini berterusan, usaha kerajaan untuk menggalakkan keusahawanan akan menjadi lebih mencabar kerana murid sekolah menengah tidak mempunyai kecenderungan untuk menjadikan usahawan sebagai pekerjaan.

Merhayati et al., (2015) menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan harus memasukkan pelbagai pengetahuan, kemahiran dan teknik yang sesuai untuk membolehkan pelajar memahami dan menunjukkan ciri-ciri keusahawanan mereka sendiri. Pendidikan keusahawanan di institusi pendidikan merupakan cara utama dalam usaha negara untuk mencapai objektif sebagai sebuah negara maju (Norasmah & Radin Siti Aishah, 2018). Penerapan pendidikan keusahawanan di sekolah adalah penting untuk menjadi seorang usahawan terutamanya dalam aspek kemahiran keusahawanan. Kemahiran membentuk budaya keusahawanan bersama-sama dengan latar belakang diri, sikap, dan dorongan (Mohd Hassan, 2007). Kemahiran inovasi ini diperlukan oleh seseorang itu untuk membolehkan mereka bekerja dengan baik dan berkesan dalam persekitaran kerja, sama ada sebagai majikan atau pekerja (Eze et al., 2016).

Isunya adalah, adakah sistem pendidikan kini membolehkan murid sekolah menengah menguasai kebolehan ini? Adakah kemahiran pengurusan perniagaan yang diperolehi akan membolehkan dan menggalakkan pelajar untuk memahami betapa pentingnya budaya keusahawanan untuk mereka? Kenyataannya, pendekatan pendidikan yang digunakan masih kurang menyumbang kepada kemahiran asas yang dibangunkan (Ahmad Rafli et al., 2014). Hal ini boleh membuatkan mereka tidak bersemangat dan kecenderungan mereka untuk menjadi usahawan semakin berkurang. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyelesaikan persoalan yang dinyatakan dengan tertumpu kepada kemahiran pengurusan perniagaan dan hubungannya dengan kecenderungan amalan budaya yang berkaitan dengan keusahawanan.

Kajian Literatur

Kemahiran Pengurusan Perniagaan

Orang ramai mempunyai pendapat yang berbeza tentang amalan pengurusan. Menurut Abdul Rahim & Shahrul Bariah (1990), amalan pengurusan ialah proses di mana sumber digunakan untuk mencapai tujuan yang ditetapkan. Jaafar (1996) melihat pengurusan sebagai usaha untuk mendapatkan orang lain untuk melakukan sesuatu. Pengurusan boleh ditakrifkan sebagai seni mentadbir untuk mencapai matlamat organisasi. Ini bermakna pengurus mempraktikkan pengurusan jika mereka meminta bantuan orang lain untuk menyelesaikan tugas. Kemahiran pengurusan perniagaan yang boleh diajar, seperti kemahiran membuat keputusan, kemahiran penyelesaian masalah kreatif, kebolehan berdikari, kebolehan untuk menyelesaikan perundingan perniagaan dengan baik, pengurusan masa, pengurusan projek, menggalakkan, menjual, berbincang, dan menunjukkan teladan yang bermotivasi kepada orang lain (Ura Pin @ Chum, 2012). Menurut Yusof et al., (2013), pelajar mempunyai kemahiran pengurusan perniagaan pelajar yang sederhana tinggi. Penguasaan kemahiran kerjaya dalam kalangan pelajar adalah masalah penting bagi negara dan institusi pendidikan. Pengubahsuaian dan akibat daripada persaingan yang berlaku dalam dunia pekerjaan, institusi pendidikan kini perlu menyediakan pekerja dengan kemahiran yang memenuhi keperluan industri (Mohd Yusof et al., 2013).

Murid yang berminat dalam bidang keusahawanan mestilah mempelajari kemahiran pengurusan perniagaan. Membuat keputusan, perancangan strategik, dan pengurusan kewangan adalah antara pelbagai aspek kemahiran ini. Mengetahui dan menguasai kemahiran ini bukan sahaja mengukuhkan asas pengurusan perniagaan, tetapi ia juga meningkatkan kemungkinan dan peluang untuk berjaya dalam usaha keusahawanan. Di sekolah menengah, semakin banyak perhatian diberikan kepada pembelajaran kemahiran pengurusan perniagaan. Modul yang berkaitan dengan asas perniagaan telah dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Ali & Zainuddin (2018), mendapati bahawa menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan projek untuk mengajar kemahiran pengurusan perniagaan boleh meningkatkan pemahaman dan minat pelajar dalam bidang tersebut. Pembelajaran berasaskan projek membolehkan pelajar melihat sendiri bagaimana perancangan strategik dan membuat keputusan dalam pengurusan perniagaan.

Selain itu, kemahiran membuat keputusan adalah penting bagi mereka yang menguruskan perniagaan. Sebuah kajian yang dijalankan pada oleh Rahim & Syafiq (2019) mendapati bahawa pelajar yang dilatih dalam membuat keputusan yang berkesan mempunyai kemungkinan yang lebih tinggi untuk berjaya dalam inisiatif keusahawanan. Latihan ini adalah penting untuk menyediakan pelajar untuk keadaan perniagaan yang kerap memerlukan keputusan cepat. Penguasaan konsep dan teknik perancangan strategik membantu pelajar merancang dan mengurus sumber dengan baik. Hasil & Khalil (2020) menjalankan satu kajian yang menekankan betapa pentingnya mengajar perancangan strategik dalam kurikulum sekolah sebagai alat untuk meningkatkan kemahiran pemikiran analitikal dan kemahiran pemikiran jangka panjang mereka. Dalam pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan adalah penting. Adalah penting bahawa pelajar memahami konsep asas kewangan seperti pelaburan, analisis risiko, dan pengurusan bajet. Sebuah kajian yang dijalankan oleh Jamil & Farid (2021) mendapati bahawa pelajar yang mempunyai pengetahuan tentang pengurusan kewangan mempunyai keupayaan yang lebih baik untuk merancang dan menguruskan kewangan perniagaan mereka sendiri.

Hubungan antara kejayaan keusahawanan dan kemahiran pengurusan perniagaan adalah jelas. Kajian oleh Yusri & Lina (2022) mendapati bahawa terdapat hubungan positif antara kejayaan perniagaan seseorang dan tahap penguasaan kemahiran pengurusan perniagaan mereka. Ini menunjukkan bahawa kemahiran pengurusan perniagaan yang kuat adalah penting untuk kejayaan mana-mana syarikat keusahawanan. Pendidikan kemahiran pengurusan perniagaan di sekolah menengah adalah penting untuk membentuk generasi usahawan yang berwawasan dan berkebolehan masa depan. Pelajar boleh memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk memulakan dan mengekalkan perniagaan dalam jangka masa panjang dengan menggunakan pendekatan pembelajaran yang berkesan dan relevan.

Kecenderungan Budaya Keusahawanan dalam Kalangan Murid

Istilah "budaya keusahawanan" merujuk kepada set prinsip, sikap, dan tingkah laku yang menyokong dan menggalakkan inisiatif keusahawanan untuk ditubuhkan dan berkembang. Budaya ini memainkan peranan penting dalam menentukan kecenderungan seseorang untuk menjadi usahawan; ia juga memupuk minda yang inovatif dan proaktif. Pendidikan memainkan peranan penting dalam menanamkan budaya keusahawanan dalam diri pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Rizal & Hadi (2018) menunjukkan bahawa pengenalan konsep keusahawanan di institusi pendidikan boleh meningkatkan kesedaran dan minat pelajar terhadap keusahawanan. Ini termasuk mengajar mereka prinsip asas perniagaan, sejarah kejayaan usahawan, dan peluang keusahawanan.

Kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan juga dipengaruhi oleh faktor sosial dan ekonomi. Sebuah kajian yang dijalankan pada oleh Malik & Faris (2019) mendapati bahawa kedua-dua persekitaran

sosioekonomi dan latar belakang keluarga pelajar memainkan peranan penting dalam menentukan minat dan sikap mereka terhadap keusahawanan. Pelajar yang berasal dari keluarga yang menggalakkan keusahawanan atau yang hidup dalam persekitaran yang menyokong keusahawanan cenderung untuk menunjukkan lebih banyak minat dan keterlibatan dalam aktiviti yang berkaitan dengan keusahawanan. Pendidikan memainkan peranan penting dalam memupuk budaya keusahawanan. Sebuah kajian yang dijalankan oleh Siti & Noraini (2020) mendapati bahawa kaedah pembelajaran yang kreatif dan berorientasikan amalan boleh meningkatkan pemahaman pelajar tentang keusahawanan. Ini termasuk aktiviti ekstrakurikuler yang berkaitan dengan keusahawanan, pembelajaran berasaskan projek, dan kajian kes. Selain itu, sekolah juga memupuk budaya keusahawanan dengan mengajar pelajar pengurusan perniagaan. Kajian yang dijalankan oleh Zulkifli & Azizah (2021) mendapati bahawa pelajar yang mempunyai kebolehan dalam pengurusan perniagaan, seperti perancangan strategik, pengurusan kewangan, dan kemahiran komunikasi, lebih cenderung untuk berminat dalam keusahawanan. Dengan kemahiran ini, pelajar mempunyai keupayaan untuk menangani cabaran dalam dunia keusahawanan.

Kajian yang dilakukan oleh Michael et al., (2018) juga mendapati bahawa amalan budaya keusahawanan yang tinggi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang pantas di kawasan tertentu. Ini disebabkan oleh fakta bahawa budaya keusahawanan mendorong orang ramai untuk menjadi kreatif dan mencipta idea baharu, serta membawa pengetahuan ke semua bidang ekonomi. Norma, nilai, dan kepercayaan masyarakat adalah komponen penting budaya keusahawanan. Oleh itu, budaya dan cara keusahawanan tidak sama dalam masyarakat, negara, atau wilayah, dan mempunyai ciri yang berbeza (Aytac, 2007). Budaya keusahawanan harus berkembang dengan pantas dan seimbang. Oleh itu, budaya keusahawanan boleh mengubah fenomena ekonomi negara yang berterusan untuk masa yang lama.

Untuk menyediakan generasi masa depan yang bersedia untuk dunia perniagaan yang semakin kompleks dan dinamik, adalah penting bahawa terdapat hubungan antara budaya keusahawanan dan kemahiran pengurusan perniagaan. Sebuah kajian oleh Hamdan & Jamal (2022) menunjukkan bahawa apabila kemahiran pengurusan perniagaan pembelajaran digabungkan dengan penciptaan budaya keusahawanan di sekolah, persekitaran sekolah boleh menjadi tempat yang baik untuk membangunkan usahawan muda yang berdaya saing. Untuk menyediakan pelajar untuk keusahawanan, adalah penting untuk mengetahui bahawa pendidikan keusahawanan bukan hanya mengajar teori perniagaan; ia juga mengajar pelajar sikap, prinsip, dan kebolehan yang akan membantu mereka menjalankan usaha keusahawanan.

Kita boleh membantu membentuk generasi masa depan yang celik perniagaan dan mempunyai minda keusahawanan yang kuat dengan menggunakan pendekatan pendidikan dan amalan yang fokus.

Hubungan Antara Kemahiran Pengurusan Perniagaan dan Kecenderungan Budaya Keusahawanan

Dalam kajian pendidikan keusahawanan, hubungan antara kemahiran pengurusan perniagaan dan kecenderungan budaya keusahawanan adalah sangat penting. Sebuah kajian oleh Nadia & Amir (2018) mendapati bahawa minat pelajar dalam keusahawanan mempunyai kaitan positif dengan kemahiran pengurusan perniagaan seperti perancangan strategik, membuat keputusan dan pengurusan kewangan. Seperti yang ditunjukkan oleh kajian ini, pelajar yang mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang konsep pengurusan perniagaan cenderung untuk lebih terbuka dan berminat dengan peluang untuk menjadi usahawan. Teori pembelajaran sosial Bandura (1977) boleh digunakan untuk memahami hubungan ini dimana teori ini menekankan konsep pembelajaran melalui pemerhatian. Dalam konteks pengurusan perniagaan pengajaran, pelajar mempunyai keupayaan untuk belajar sikap dan kemahiran keusahawanan melalui pemerhatian dan interaksi antara satu sama lain. Ini menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap keusahawanan boleh dipengaruhi oleh pendekatan pengajaran yang memberikan contoh dan interaksi dengan dunia keusahawanan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang mempunyai perspektif yang berbeza dimana kajian yang dijalankan oleh Hafiz & Laila (2019) mendapati bahawa walaupun kebolehan pengurusan perniagaan adalah penting, faktor seperti motivasi diri, persekitaran sosial, dan sokongan keluarga juga mempengaruhi kecenderungan budaya keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini mungkin lebih kompleks dan dipengaruhi oleh banyak faktor. Banyak aspek dimana kecenderungan budaya keusahawanan dan kemahiran pengurusan perniagaan saling berkaitan. Untuk mewujudkan generasi usahawan muda yang berdaya saing, pendidikan komprehensif adalah penting, dengan tumpuan kepada pembangunan minda keusahawanan serta aplikasinya dalam dunia sebenar. Hubungan antara kecenderungan budaya keusahawanan dan kemahiran pengurusan perniagaan sudah jelas, tetapi terdapat banyak ruang untuk penyelidikan tambahan. Untuk membina generasi yang berdaya saing dan inovatif di masa hadapan, pendidikan keusahawanan di sekolah menengah boleh dioptimumkan melalui pemahaman yang lebih mendalam dan pendekatan yang lebih terstruktur.

Metod Kajian

Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian deskriptif kuantitatif yang berbentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai reka bentuk kajian. Menurut Cresswell (2008), penyelidikan kuantitatif ialah jenis penyelidikan di mana subjek dipilih, persoalan dirumuskan, skop soalan dihadkan, statistik digunakan dan pertanyaan dibuat secara objektif. Teknik persampelan rawak mudah digunakan untuk mengenal pasti sampel. Sampel terdiri daripada murid tingkatan empat dan lima di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Mahmud Paduka Raja (1), Kelantan.

Populasi dan Sampel Kajian

Saiz populasi bagi sekolah ini adalah seramai 505 orang murid. Sebanyak 226 bilangan sampel yang dipilih untuk memenuhi keperluan saiz sampel mengikut kaedah penentuan sampel berdasarkan (Krejcie & Morgan 1970) dan mencapai minimum bilangan sampel. Kajian ini adalah kajian deskriptif kuantitatif yang berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian ini digunakan untuk mengumpul data berkaitan kemahiran pengurusan perniagaan dan kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Mahmud Paduka Raja (1). Borang soal selidik diberikan kepada pelajar dan diedarkan melalui media komunikasi iaitu Whatsapp.

Instrumen

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik ini adalah berstruktur dan menggunakan Skala Likert sebagai pilihan jawapan. Penggunaan Skala Likert lima pilihan adalah tepat kerana ia mudah ditadbir kepada sampel yang besar, membantu responden menumpukan perhatian kepada topik yang dikaji, dan memudahkan proses penjadualan dan penganalisan data (Jonald, 2010).

Stuktur borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A, B, dan C. Bahagian A merupakan soalan mengenai demografi responden kajian yang mempunyai empat soalan. Ini penting untuk memahami konteks dan latar belakang pelajar yang mungkin mempengaruhi jawapan mereka. Manakala bahagian B merupakan soalan mengenai kemahiran pengurusan perniagaan yang mempunyai 11 soalan yang diadaptasi dari kajian Freddy & Norasamah (2021). Bahagian C pula soalan mengenai kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah yang mempunyai 13 soalan dimana soalnya juga diadaptasi dari kajian Freddy & Norasamah (2021). Ini termasuk soalan mengenai minat pelajar dalam keusahawanan, pengalaman mereka dalam aktiviti keusahawanan, dan persepsi mereka tentang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya.

Instrumen ini menggunakan Skala Likert untuk memberikan jawapan, membolehkan pelajar menunjukkan tahap persetujuan atau perselisihan mereka dengan pernyataan yang diberikan. Pendekatan ini dipilih untuk kemudahan pentadbiran dan keupayaannya untuk menjana data kuantitatif yang boleh dianalisis secara statistik. Program Statistical Package for Social Science (SPSS), digunakan untuk menganalisis kajian ini. Data yang diperolehi menggunakan analisis inferensi yang dianalisis melalui ujian Independent T-Test dan Kolerasi Pearson bagi membandingkan perbezaan kecenderungan budaya keusahawanan berdasarkan jantina dan juga membandingkan hubungan yang signifikan antara kemahiran pengurusan perniagaan terhadap kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah.

Dapatan Kajian

Ujian Normaliti

Sebelum menjalankan ujian normaliti, pengujian Missing Data Analysis didalam Statistical Package for The Sosial Science (SPSS) versi 27 dijalankan untuk mengenal pasti informasi yang tidak tersedia dalam pengumpulan data, Orchard & Woodbury (1972). Selepas mengenal pasti tiada data missing, ujian normaliti dijalankan sebagai memenuhi syarat asas untuk menentukan data bertaburan normal atau bertaburan tidak normal. Bagi ujian normaliti, panduan daripada Pallant (2011) digunakan untuk menentukan kriteria normaliti; nilai skewness. Analisis ujian kenormalan menggunakan skewness & kurtosis menunjukkan adalah terletak antara nilai - 0.823 dan -0.392. Justeru data kajian ini telah dibuktikan bertabur secara tidak normal dan ini membolehkan kaedah analisis Mann-Whitney U dilakukan untuk melihat perbezaan kecenderungan budaya keusahawanan berdasarkan jantina dan juga membandingkan hubungan yang signifikan antara kemahiran pengurusan perniagaan terhadap kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah.

Jadual 1: Ujian Normaliti:

Bil	Elemen	Mann-Whitney U
1	Skewness	-0.823

2	Kurtosis	-0.392
---	----------	--------

Demografi Responden

Dalam kajian ini, Bahagian A mengandungi soal selidik yang memberi tumpuan kepada maklumat demografi responden murid sekolah menengah yang dikaji. Analisis demografi ini penting untuk memahami latar belakang pelajar yang mungkin mempengaruhi jawapan mereka kepada soalan penyelidikan, terutamanya dalam konteks hubungan antara kemahiran pengurusan perniagaan dan kecenderungan budaya keusahawanan. Analisis demografi ini merangkumi bilangan dan peratusan profil responden, termasuk jantina, umur, bangsa dan aliran yang diikuti. Seramai 226 responden daripada sekolah menengah ini telah memberi maklum balas. Sebanyak 52.7% responden adalah lelaki (119 orang), manakala 47.3% adalah wanita (107 orang). Dari segi umur, 61.9% (140 orang) responden berumur 16 tahun dan 38.1% (86 orang) Berdasarkan program pengajian, pelajar dalam program pengurusan perniagaan mencatatkan peratusan tertinggi, menandakan minat yang signifikan dalam bidang ini. Manakala pecahan responden mengikut bangsa ialah bangsa Melayu yang mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 77% (174 orang), diikuti dengan bangsa Cina mencatat peratusan sebanyak 15% (34 orang), bangsa India sebanyak 7.5% (17 orang) dan lain-lain (1 orang) iaitu sebanyak 0.05%. Untuk aliran yang diikuti oleh murid, aliran yang paling tinggi peratusan iaitu 45.1% (102 orang) iaitu aliran Sains Manakala peratusan aliran yang paling rendah adalah Pendidikan Seni dan Visual iaitu sebanyak 16.8% (38 orang). Menerusi profil demografi ini, dapat dirumuskan bahawa kebanyakan responden yang menjawab soal selidik ini terdiri daripada pelajar lelaki tingkatan 4 berbangsa melayu yang baru mengikuti aliran Sains.

Jadual 2: Demografi Responden

Ciri-ciri	Kategori	Frekuensi	Peratusan (%)
Umur	16 Tahun	140	61.9
	17 Tahun	86	38.1
Jantina	Lelaki	119	52.65
	Perempuan	107	47.35
Bangsa	Melayu	174	77
	Cina	34	15
	India	17	7.5
	Lain-lain	1	0.5
Aliran	Sains	102	45.1
	Sastera	44	19.05
	Ekonomi	42	18.6
	Pendidikan Seni dan Visual	38	16.8

Analisis Statistik Inferensi

Persoalan kajian yang pertama: Mengenal pasti perbezaan kecenderungan budaya keusahawanan yang berlainan jantina.

Bagi mengenal pasti perbezaan kecenderungan budaya keusahawanan yang berlainan jantina dalam kalangan murid sekolah menengah, ujian Mann-Whitney U telah dijalankan menggunakan perisian SPSS 27. Ujian Mann-Whitney U dijalankan kerana berdasarkan ujian normaliti yang dijalankan menunjukkan bahawa semua data pemboleh ubah adalah bertaburan secara tidak normal. Jadual 3 menunjukkan dapatan daripada Ujian Mann-Whitney U perbezaan kecenderungan budaya keusahawanan berdasarkan jantina. Ujian Mann-Whitney U menunjukkan:

- 1) Tiada perbezaan yang ketara di antara jantina lelaki dan perempuan dengan kecenderungan budaya keusahawanan kerana nilai $0.73 > 0.05$. Hal ini bermaksud perbezaan jantina tidak mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah.

Jadual 3: Ujian Mann-Whitney U - perbezaan kecenderungan budaya keusahawanan yang berlainan jantina.

	Kecenderungan Budaya Keusahawanan
Mann-Whitney U	6211.500
Wilcoxon W	11989.500
Z	-0.333
Asymp. Sig. (2-tailed)	-0.739

Persoalan kajian yang kedua: Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara kemahiran pengurusan perniagaan dengan kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah.

Bagi mengenal pasti hubungan antara kemahiran pengurusan perniagaan dengan kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah, ujian korelasi Spearman telah dijalankan menggunakan perisian SPSS 27. Ujian korelasi Spearman dijalankan kerana berdasarkan ujian normaliti yang dijalankan menunjukkan bahawa semua data pemboleh ubah adalah bertaburan secara tidak normal. Dapatan dalam Jadual 4 menunjukkan analisis korelasi bagi hubungan yang signifikan antara kemahiran pengurusan perniagaan dengan kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah iaitu nilai pekali korelasi $r = 0.962$ dengan nilai $p < 0.05$ yang membuktikan hubungan signifikan yang positif dan kukuh di antara kemahiran pengurusan perniagaan dengan kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah. Hal ini bermakna peningkatan dalam kemahiran pengurusan perniagaan juga menyebabkan peningkatan di dalam kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah.

Jadual 4: Ujian Kolerasi Spearman – hubungan kemahiran pengurusan perniagaan dengan kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah.

Pembolehubah	Nilai Pekali Kolerasi	
Kemahiran Pengurusan Perniagaan	r	0.962
	Sig	0.001
	n	226

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Ujian Mann-Whitney U digunakan untuk mengenal pasti perbezaan perbezaan kecenderungan budaya keusahawanan yang berlainan jantina di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Mahmud Paduka Raja (1). Keputusan analisis normaliti antara jantina dan kecenderungan keusahawanan mencatatkan keputusan yang tidak normal iaitu < 0.05 melalui ujian Kolmogorov-Smirnov. Bagi melihat perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam mempengaruhi kecenderungan keusahawanan, hasil ujian Mann-Whitney U menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ($p = -0.333 < 0.05$) antara lelaki dan perempuan dalam mempengaruhi kecenderungan keusahawanan ini.

Nadiatul & Aslinda (2020), menyokong kajian ini dengan menunjukkan keputusan yang tidak signifikan antara jantina, iaitu kecenderungan lelaki dan perempuan di dalam keusahawanan dimana penemuan kajian menunjukkan bahawa jantina murid tidak mempengaruhi kecenderungan mereka untuk menjadi usahawan. Peluang untuk menjadi seorang usahawan adalah sama untuk semua orang, tidak kira sama ada mereka lelaki atau perempuan. (Manshor, 2014). Hasil kajian Wan Shukry (2004), menunjukkan faktor jantina tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan (lelaki = 3.96, dan perempuan = 3.76).

Ujian kolerasi Spearman juga digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara kemahiran pengurusan perniagaan dengan kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah ini. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan signifikan yang positif dan kukuh di antara kedua-dua pemboleh ubah iaitu kemahiran pengurusan perniagaan dan kecenderungan budaya keusahawanan dimana ianya mencatat nilai pekali korelasi $r = 0.962$. Ini bermaksud kemahiran pengurusan perniagaan mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dengan kuat. Ini disokong oleh kajian Freddy & Norasmah yang menyatakan kecenderungan budaya keusahawanan akan meningkat sekiranya kemahiran pengurusan perniagaan juga meningkat. Menurut kajian Oguntimehin & Olaniran (2017) juga, mereka mendedahkan kemahiran keusahawanan mempengaruhi kecenderungan terhadap kerjaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa di universiti Nigeria.

Implikasi Dan Kesimpulan

Kajian ini memberikan implikasi penting kepada pembuat dasar pendidikan dan pendidik dalam merancang kurikulum dan program pembelajaran yang menyokong pembangunan kemahiran pengurusan perniagaan dan memupuk kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar sekolah menengah. Terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini yang memerlukan pertimbangan bagi kajian yang akan datang. Kajian ini hanya tertumpu murid di sebuah sekolah di daerah Tanah Merah, Kelantan sahaja. Justeru itu, bagi kajian akan datang populasi murid sekolah menengah boleh dibuat secara menyeluruh di seluruh Kelantan untuk mendapat dapatan yang lebih tepat. Kesimpulannya, tiada perbezaan yang ketara di antara jantina dengan kecenderungan keusahawanan dan terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran pengurusan perniagaan dan kecenderungan budaya keusahawanan dalam kalangan murid Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Mahmud Paduka Raja (1).

Rujukan

- [1]. AGAMA, K. (2019). Hubungan antara Kemahiran Keusahawanan dengan Tekad Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *International Journal of Education*, 4(31), 305-317.
- [2]. Ahmad Anuar, A. & Esa, A. 2010. Penerapan Kemahiran Insaniah di Pusat Giat Mara (PGM): Satu Analisis Perbandingan dalam Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi-Institusi Pengajian, disunting oleh Esa, A. & Mustafa, M.Z. Batu Pahat: Penerbit UTHM. Ms 1-19
- [3]. Ahmad, N. L., & Majid, N. A. (2018). Program Praktikum Sebagai Medium Pengukuhan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 17-27.
- [4]. Ahmed, Z. (2018). Kesan Pendidikan Keusahawanan terhadap Pembangunan Kemahiran Keusahawanan. *Journal of Education and Entrepreneurship*, 4(2), 75-88.
- [5]. Aytac, O. ve Ilhan, S. (2007), "Entrepreneurship and Entrepreneurial: A Sociological Perspective", *Selcuk Universitesi Sosyal Bilimler Enstitüsü Dergisi*, 18: 101-120
- [6]. Brown, T., & Jones, L. (2017). Pengajaran Pengurusan Perniagaan di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. *Journal of Business Education Research*, 9(1), 22-36.
- [7]. Carlson, S. D. (2020). Entrepreneurship Education and Entrepreneurial Mindset: Empirical Insights. *Entrepreneurship Research Journal*, 10(3), 303-321.
- [8]. Davis, M. H. (2019). The Impact of Digital Literacy on Educational Outcomes. *Educational Technology Research and Development*, 67(5), 1279-1302.
- [9]. Edwards, L., & Muir, E. (2016). Promoting Entrepreneurship in Higher Education. *Journal of Business and Higher Education*, 8(1), 12-27.
- [10]. Foster, P., & Harris, L. (2018). Business Education and Entrepreneurial Intentions: A Systematic Review. *Educational Review*, 70(4), 485-505.
- [11]. Gomez, R., & Mitchell, D. (2021). Digital Literacy and Entrepreneurial Success: A Comparative Analysis. *Journal of Digital Business*, 4(2), 102-116.
- [12]. Harper, S. (2017). Self-Efficacy and Entrepreneurial Mindset: The Building Blocks of Entrepreneurship Education. *Innovation in Education Journal*, 5(1), 34-42.
- [13]. Ibrahim, B., & Soufian, M. (2018). Cultural Influences on Entrepreneurial Orientation: The Role of Education. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, 8(1), 23.
- [14]. Johnson, L. (2021). Generasi Muda dan Keusahawanan: Tren Global. *International Journal of Entrepreneurial Behavior*, 7(3), 112-129.
- [15]. Jones, C., & English, J. (2014). A Contemporary Approach to Entrepreneurship Education. *Education + Training*, 56(8/9), 688-701.
- [16]. Khalid, A., & Rahman, S. (2016). Entrepreneurial Education and Students' Entrepreneurial Intentions: The Role of Personal Factors. *International Journal of Management Education*, 14(3), 307-315.
- [17]. Kruskal, W. H., & Wallis, W. A. (1952). Use of Ranks in One-Criterion Variance Analysis. *Journal of the American Statistical Association*, 47(260), 583-621.
- [18]. Laipat, F. B., & Othman, N. (2021). Hubungan antara kemahiran dengan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 293-313.
- [19]. Lee, K., & Wong, P. K. (2004). An Exploratory Study of Technopreneurial Intentions: A Career Anchor Perspective. *Journal of Business Venturing*, 19(1), 7-28.
- [20]. Lee, S., & Carter, S. (2019). Gender Differences in Entrepreneurial Intentions: A Cross-Cultural Analysis. *Journal of Entrepreneurship*, 21(4), 195-214.
- [21]. Martin, B. C., McNally, J. J., & Kay, M. J. (2013). Examining the Formation of Human Capital in Entrepreneurship: A Meta-Analysis of Entrepreneurship Education Outcomes. *Journal of Business Venturing*, 28(2), 211-224.
- [22]. Meyer, J.P. (2014). Organizational commitment. In Guest, D.E and Needle, D. (Eds), *Human Resource Management*, Vol.5 of the wiley Encyclopedia of Management (199-201), 3 rd ed., Chichester. UK:Wiley.
- [23]. Orchard, J., & Woodbury, E. (1972). Analisis Data yang Hilang dalam Penyelidikan Sosial. *Social Research Methods*, 10(1), 34-47.
- [24]. Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual*. McGraw-Hill Education.
- [25]. Smith, J., & Rahman, A. (2020). Pengaruh Pendidikan Pengurusan Perniagaan terhadap Minat Keusahawanan. *Journal of Business Education*, 15(2), 45-60.
- [26]. Uma Sekaran. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. John Wiley & Sons.
- [27]. Yazid, N. N., & Seman, N. A. A. (2020). Hubungan antara faktor demografi dan kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar UTHM. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 999-1012.
- [28]. Zaman, M. M. K., & Othman, N. (2019). Amalan pengurusan perniagaan usahawan wanita Felcra Berhad. *Journal of Business Innovation*, 3(1), 1.